

Tidak gentar: Kenyataan tegas PM disokong

UM 8 JAN 2003

KUALA LUMPUR 7 Jan. — Pengarah Eksekutif Pusat Kajian Strategik Antarabangsa, Abdul Razak Baginda mengalu-alukan kenyataan tegas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa Malaysia tidak gentar dengan kecanggihan persenjataan angkatan tentera mana-mana negara.

Beliau berkata, kenyataan Perdana Menteri adalah tepat kerana faktor kemenangan di medan perang bukan semata-mata ditentukan oleh kelengkapan senjata tetapi juga mengambil kira faktor kecekapan dan pengalaman bala tentera.

“Pengalaman yang dimiliki oleh pasukan tentera kita semasa era konfrantasi dan komunis dahulu sebenarnya merupakan satu kekuatan yang amat berguna untuk menghadapi musuh di medan perang.

“Begitu juga dengan kehadiran pasukan tentera kita dalam Misi Pengaman Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang turut memberi kelebihan kepada kita,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dr. Mahathir semalam bahawa Malaysia tidak bimbang dengan kecanggihan persenjataan angkatan tentera mana-mana negara kerana kemenangan dalam peperangan bergantung kepada kekuatan sebenar bala tentera.

Kenyataan Dr. Mahathir adalah bagi mempertikaikan analisis penulis buku *Defending The Lion City: The Armed Forces of Singapore*, Tim Huxley yang mendakwa Singapura mampu menewaskan Malaysia dalam masa sejam berdasarkan kekuatan senjata yang dimiliki.

Menurut Abdul Razak, kelengkapan senjata yang dimiliki Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga tidak kurang hebatnya cuma Malaysia tidak pernah mendabik dada sebagaimana yang dilakukan oleh negara jiran.

“Bagaimanapun, kejadian pelanggaran kapal perang mereka di perairan Pulau Batu Putih baru-baru ini jelas memberi gambaran kepada masyarakat antarabangsa bahawa pasukan tentera mereka tidaklah sehebat seperti yang digembar-gemburkan,” jelasnya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM), Senator Datuk Muhammad Abd. Ghani turut menyokong penuh kenyataan Dr. Mahathir kerana ia bertepatan dengan konteks peperangan yang sebenar.

“Kelengkapan persenjataan dan kecekapan tentera adalah dua perkara yang tidak boleh disamakan.

“Sebenarnya, tiada kayu pengukur yang tepat untuk menguji kekuatan ketenteraan sebuah negara melainkan melalui pertempuran di medan perang seperti yang dinyatakan oleh Dr. Mahathir semalam,” katanya ketika dihubungi hari ini bagi mengulas perkara yang sama.